

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [ PASIR MAS ]**

**TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 [ ISNIN ]**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [ PASIR MAS ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perkembangan terkini projek baik pulih tanah runtuh di Kampung Pohon Chelagi, Pasir Mas dan jangka masa ia dapat disiapkan sepenuhnya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Kerja-Kerja Pembaikan Runtuhan Tebing Sungai Kelantan Di Kampung Pohon Celagi, Pasir Mas Kelantan telah dimulakan oleh pihak kontraktor mulai 4 Ogos 2021. Pelaksanaan dijangka mengambil masa sembilan (9) bulan dan dijangka siap pada 3 Mei 2022 dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM 64.25 juta. Fokus kerja tertumpu kepada pengukuhan tebing dan pengerukan pasir bagi melancarkan aliran air sungai bagi mengurangkan impak banjir semasa monsun.

Sekian. Terima kasih.